

Tiada suaka politik pelarian Aceh — PM

Oleh RADHUAN HUSSAIN

UM 29 AUG 2003

KUCHING 28 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia tidak akan memberi suaka politik kepada pelarian Aceh yang memasuki negara ini berikutan pergolakan yang melanda di wilayah itu.

Perdana Menteri berkata, mereka tetap dianggap pendatang tanpa izin dan akan dikenakan tindakan sebagaimana pendatang tanpa izin yang lain.

“Tiada suaka politik kepada pelarian Aceh, mereka adalah pendatang tanpa izin dan akan dimasukkan dalam tahanan,” katanya pada sidang akhbar bersama dengan Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri di Hotel Hilton, di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjawab pertanyaan wartawan Indonesia mengenai kemungkinan Kerajaan

Malaysia akan memberi suaka politik kepada mana-mana pelarian Aceh terbabit.

Wilayah Aceh masih bergolak ekoran peningkatan pertempuran antara tentera kerajaan dengan puak pemisah, Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Perkembangan itu menyebabkan seramai 232 rakyat Aceh melarikan diri ke Malaysia berikutan operasi Tentera Nasional Indonesia (TNI) di Nanggroe Aceh Darussalam (NAD).

Kumpulan pelarian itu bagaimanapun ditangkap oleh polis dalam operasi di hadapan pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ekoran itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia tidak akan memberi su-

aka politik kepada pelarian wilayah berkenaan.

Sebaliknya beliau dilaporkan berkata, mereka mungkin diberi perlindungan sementara sebelum dihantar pulang.

Sementara itu, *Bernama* melaporkan, Menteri Luar Indonesia Hassan Wirajuda, yang turut mengiringi Megawati ke sini, ketika ditemui pemberita, menyambut baik pendirian Malaysia itu.

“Malaysia selaku negara yang berdaulat (telah) memutuskan bahawa siapa pun warga asing yang tinggal di Malaysia tanpa izin akan dipulangkan ke negara asal.

“Dalam hal ini Indonesia pun akan melakukan hal yang sama terhadap warganegara asing yang tinggal secara tidak sah,” katanya.

Menjawab satu soalan sama

ada terdapat antara kalangan mereka yang ditahan itu anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM), Hassan berkata, persoalan pokok dalam isu itu ialah sama ada mereka memasuki Malaysia secara sah atau sebaliknya.

“Bagi Malaysia, tentunya persoalan sama ada mereka (anggota) GAM atau tidak GAM, siapa pun warga asing yang tinggal secara tidak sah, akan dihantar pulang,” katanya.

Walau apa pun keadaannya, Hassan berkata, kehadiran rakyat dari wilayah itu bukan disebabkan operasi bersepadu yang dilakukan di Aceh sekarang ini.

“Jadi tiada hubungannya antara kedua-dua perkara itu,” katanya.